

30 NOV 1996

MITI AKAN BERI TAKLIMAT KEPADA SEKTOR SWASTA MENGENAI PIP2

PETALING JAYA, 30 Nov (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan memberikan beberapa taklimat kepada sektor swasta mengenai Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2), kata Menteri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Sesi taklimat pertama akan diadakan sebelum akhir tahun ini, kata beliau kepada pemberita selepas membuka ibu pejabat baru Harley-Davidson of Malaysia Sdn Bhd di sini hari ini.

PIP2, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini, merupakan satu rancangan hebat menetapkan arah tuju bagi pertumbuhan sektor perkilangan bagi tempoh 1996 hingga 2005.

MITI, agensi yang diberi kepercayaan untuk merangka rancangan berani ini, berkata pelan itu bertujuan memperkukuhkan asas ekonomi negara dan membolehkannya mencapai daya saingan global.

Sementara itu, dalam ucapannya, Rafidah berkata MITI bersedia menimbang permohonan kuota lesen import untuk motosikal baru daripada mana-mana syarikat Bumiputera yang mendapat francais daripada syarikat pengeluar negara walaupun kerajaan telah menetapkan sejak 1988 bahawa semua kelulusan baru kuota lesen import motosikal baru dan terpakai khusus bagi syarikat Bumiputera dibekukan.

Syarikat berkenaan mestilah sekurang-kurang 70 peratus pegangan Bumiputera, motosikal yang diimport belum dipasang di Malaysia, pengimportan hendaklah dibuat secara terus dari syarikat utama di luar negeri.

Mereka juga perlu mempunyai keupayaan dari segi pengurusan dan kewangan untuk mengendalikan sendiri perniagaan dan mempunyai ruang pameran yang sesuai semasa syarikat menjadi pemegang kuota lesen import.

Rafidah berkata had tertinggi kuota tahunan yang boleh diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera pemegang francais motosikal ialah 500 unit setahun.

Beliau berkata pada masa ini, terdapat 14 buah syarikat Bumiputera yang memegang francais motosikal baru telah diperuntukkan sebanyak 5,860 kuota lesen import oleh MITI bagi motosikal baru terus dari syarikat utama di luar negara.

Di antara jenama motosikal baru yang diluluskan peruntukan kuota ialah BMW dari Jerman, Harley-Davidson dari Amerika Syarikat, Triumph dari United Kingdom dan Kawasaki dari Jepun. -- BERNAMA

JR KY rif